

Ada keperluan tubuhkan RCI isu pencerobohan Lahad Datu-Tun M
Utusan Online
15 Mac, 2013

KUALA LUMPUR 15 Mac - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berpandangan bahawa ada keperluan untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat dalang di sebalik insiden pencerobohan di Sabah.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan sumbangan dana berjumlah RM80,000 bagi pihak Yayasan Keamanan Global Perdana (PGPF) kepada Tabung Kebajikan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sebagai tanda penghargaan kepada pasukan keselamatan itu yang berjuang mempertahankan kedaulatan negara. - UTUSAN

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130315/dn_28/Ada-keperluan-tubuhkan-RCI-isu-pencerobohan-Lahad-Datu-Tun-M